

Mahkamah khas pastikan penjenayah alam sekitar dikenakan tindakan wajar

Posted on January 18, 2012, Wednesday

KUCHING: Penubuhan mahkamah khas alam sekitar akan memastikan penjenayah alam sekitar dikenakan tindakan undang-undang sewajarnya. Menteri Muda Alam Sekitar Datu Len Talif Salleh berkata, jenayah alam sekitar jika tidak dibendung dengan betul tidak hanya akan memberi impak negatif kepada bumi tetapi manusia serta hidupan lain.

Beliau menambah, penggubalan undang-undang khusus alam sekitar juga perlu kerana sebagai negara yang sedang mengalami proses pembangunan pesat, permintaan terhadap pembangunan juga meningkat terutama untuk perindustrian berat dan sektor perladangan.

“Perkara yang kita (kerajaan) kawatiri ialah ada pihak yang sanggup mengetepikan langkah-langkah perlu dalam membangunkan sesuatu kawasan demi keuntungan segera sehingga membahayakan alam sekitar dan penduduk setempat.

“Dalam hal ini kita perlukan peguam serta hakim yang betul-betul arif dengan isu-isu alam sekitar kerana alam sekitar adalah perkara yang sangat kompleks,” katanya kepada Utusan Borneo semalam.

Len Taliff yang juga Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri berkata, penubuhan mahkamah khas itu secara tidak langsung mendidik rakyat menghargai alam sekitar demi kepentingan generasi akan datang. Selain itu katanya, ia menangkis dakwaan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tempatan serta luar negara yang mengatakan Malaysia tidak serius menangani isu alam sekitar.

“Sarawak sememangnya menyambut baik pengenalan mahkamah khas alam sekitar kerana ia merupakan langkah bijak untuk menyelesaikan sebarang masalah mahupun isu berkaitan,” katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Ketua Hakim Negara Tan Sri Arifin Zakaria mengatakan mahkamah khas itu mungkin akan diperkenalkan di negara ini tidak lama lagi.

Arifin berkata demikian ketika merasmikan Tahun Perundangan 2012 dan Persidangan Hakim-Hakim di Putrajaya, baru-baru ini. Arifin dalam ucapannya berkata badan kehakiman akan menyediakan lebih banyak pendedahan dan latihan kepada para hakim dan pegawai mengenai undang-undang alam sekitar dan jika perlu, mahkamah khas akan diwujudkan bagi menangani kes-kes alam sekitar.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/01/18>